

**DUN Apas Terima Lebih RM50 Juta Untuk Projek Pembangunan Sepanjang 2011:  
Tawfiq  
Bernama  
3 Januari , 2012**

TAWAU, 3 Jan (Bernama) -- Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Apas menerima peruntukan melebihi RM50 juta sepanjang tahun lalu bagi membiayai pelbagai projek pembangunan infrastruktur, kata Pembantu Menteri Kewangan Sabah Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan.

Katanya lebih banyak peruntukan pembangunan akan disalurkan ke kawasan berkenaan pada tahun ini demi kepentingan dan kemudahan penduduk bagi memastikan tidak ada rakyat terpinggir daripada arus pembangunan.

"Pada tahun ini, saya memastikan dua buah jalan di kawasan DUN Apas iaitu Jalan Zulkifle dan Jalan Jaya di Kilometer 24 dinaik taraf," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Tadika Q-dees Tawau di sini Selasa.

Terdahulu dalam ucapannya, Tawfiq meminta ibu bapa memanfaatkan sepenuhnya kemudahan pendidikan yang disediakan sama ada oleh kerajaan atau pihak swasta bagi meningkatkan tahap pendidikan anak-anak mereka dan negeri Sabah amnya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637694>